

Perkembangan projek pengkelompokan pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) (Group farming project development in MADA)

Norsida Man*

Kata penunjuk: kelompok tani, amalan pertanian dan pengurusan, PPK dan MADA

Abstrak

Di Malaysia, kelompok tani banyak ditubuhkan di kawasan jelapang padi seperti di kawasan MADA dan di kawasan pertanian sayur dan buah-buahan di serata tempat di seluruh negara. Penubuhan organisasi seperti ini merupakan inisiatif pihak kerajaan untuk memastikan kemajuan dan pembangunan masyarakat petani. Tujuan penubuhannya adalah untuk memastikan operasi ladang dapat dilakukan dengan lebih cekap dan efisien memandangkan petani di bawah kelompok tani bekerjasama menjalankan operasi ladang secara berjadual, teratur dan bersistematik untuk mencapai tahap kecekapan ekonomi pengurusan ladang mereka. Kajian dijalankan untuk melihat perkembangan terkini projek kelompok tani ini dan juga perubahan dari sudut amalan teknikal dan pengurusan ladang yang mungkin mempengaruhi peningkatan produktiviti petani. Kajian mendapati seramai 47.6% responden faham akan faedah penyertaan di dalam kelompok tani. Manakala 41.4% responden menyertainya apabila melihat kejayaan kawan-kawan yang telah menyertai kelompok tani. Seramai 97.9% responden bersetuju bahawa ada perbezaan pendapatan dalam hasil padi sebelum dan selepas menyertai kelompok tani. Manakala dari segi kewangan pula, 77.2% responden bersetuju bahawa ada sedikit peningkatan kepada mereka sebelum dan selepas menyertai kelompok tani. Penyertaan di dalam kelompok tani seharusnya meningkatkan amalan pengurusan seseorang petani itu. Secara keseluruhannya, kajian mendapati bahawa proses pengkelompokan petani masih mengekalkan tiga bentuk pengurusan kelompok tani iaitu Kelompok, Projek Separa Perladangan (PSP) dan Projek Sawah Secara Perladangan (PSSP). Walau bagaimanapun, bilangan penubuhan Kelompok baru telah dikurangkan dan ditumpukan kepada penubuhan PSP dan penambahan kepada pembentukan PSSP baru. Sistem pengurusan yang digunakan oleh setiap jenis kelompok tani masih sama dengan kebanyakan Kelompok yang diuruskan oleh petani sendiri, PSP oleh AJK/PPK dan PSSP pula banyak diuruskan oleh PPK/MADA dan dibantu oleh AJK yang dibentuk.

Pendahuluan

Salah satu polisi yang digariskan dalam Dasar Pertanian Negara Kedua yang dilancarkan pada tahun 1984 adalah untuk menggalakkan semua pihak

mengamalkan pertanian secara komersial untuk mempertingkatkan produktiviti pertanian. Bagi tanaman padi, salah satu daripada cara yang digalakkan adalah melalui perladangan berskala besar dengan

*Jabatan Perniagaantani dan Sistem Maklumat, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor
E-mel: norupi@agri.upm.edu.my

menggabungkan sawah yang berskala kecil dan diuruskan di bawah satu kelompok pertanian. Setiap petani di dalam kelompok akan mengusahakan sawah mereka mengikut jadual penanaman dan penuaian yang sama dan serentak, dan ini diharapkan dapat menyelesaikan beberapa masalah seperti pengairan dan kos pengeluaran. Selain untuk peningkatan produktiviti, pertanian secara kelompok ini juga memudahkan proses penyampaian teknologi dan tunjuk ajar oleh pihak agensi pertanian kepada petani.

Kelompok tani ataupun *group farming* ialah organisasi yang dianggotai oleh petani dan diuruskan sendiri dengan menjalankan aktiviti berkaitan operasi ladang serta perniagaan tani, dan juga merupakan organisasi sosial masyarakat petani setempat. Di Malaysia, kelompok tani banyak ditubuhkan di kawasan jelapang padi seperti di kawasan Muda Agriculture Development Authority (MADA) dan di kawasan pertanian sayur dan buah-buahan di seluruh negara. Penubuhan organisasi seperti ini merupakan inisiatif pihak kerajaan untuk memastikan kemajuan dan pembangunan masyarakat petani.

Kawasan Muda ialah kawasan pengeluaran padi terbesar Malaysia. Kawasan ini mengalami inovasi teknologi pertanian yang ketara hingga membawa kepada kemajuan seperti penyediaan infrastruktur asas, kejenteraan, penambahbaikan varieti padi, sistem tabur terus dan tanaman dua kali setahun. Hasil daripada inovasi ini telah meningkatkan hasil padi daripada 2–3 tan (1970) kepada 5 tan ke atas (1999). Bagi tempoh yang sama, masa kerja buruh juga telah disingkatkan daripada 615 jam kepada 175 jam sahaja. Bagi perkhidmatan pengembangan, mereka berjaya memperkenalkan dan mengembangkan teknologi kepada kumpulan sasar, kaedah tanaman pindah kepada tenik tabur terus, tanaman dua kali setahun, penambahbaikan varieti dan penubuhan kelompok tani. Pada masa ini mereka berusaha meningkatkan

hasil dengan menggunakan pakej teknologi baru.

Di kawasan Muda, fungsi pengurusan yang sepatutnya diurus dan dikawal oleh pengurus pertanian (petani) yang merupakan pewaris kepada pembangunan pertanian padi telah bertukar. Fungsi ini merupakan syarat kepada petani sekarang untuk menjadi usahawan tani bagi memastikan ada perkembangan dan pembangunan dalam setiap pengurusan pertanian. Untuk itu persekitaran yang membolehkan mereka memainkan fungsi dengan sepenuhnya perlu disediakan. Untuk memajukan pertanian setempat, petani sekarang bukanlah lagi mereka yang dikenali sebagai petani semata-mata tetapi perlu menjadi usahawan yang mampu berdikari dan berdaya maju.

Perbincangan mengenai pertanian kelompok ini telah banyak diperkatakan dari pelbagai sudut teori. Dari sudut teori organisasi, pertanian secara kelompok ini merupakan cara yang baik bagi menyampaikan teknologi dan maklumat daripada pihak pengembangan kepada petani (Kumi Yasunobu 1997). Dari sudut teori pelapis dan pengembangan pula, penekanan kerajaan terhadap usaha untuk menumpukan perhatian kepada petani yang berada di dalam kelompok sahaja akan mengundang ketidakprihatinan dalam memantau pertanian secara individu yang sepatutnya dikuatkan dahulu daya saing dan kemampuan serta daya pengurusannya (Ishida Akira dan Azizan Asmuni 1996).

Dalam kajian pembangunan pertanian padi kawasan Muda, didapati bahawa konsep peralihan bentuk kelompok pertanian ini mengurangkan keupayaan petani berdikari dan juga mengurangkan perolehan insentif dalam pertanian kerana kuasa membuat keputusan dan fungsi pengurusan banyak dipegang dan berpihak kepada agensi pertanian (Norsida dan Atsumu 2003). Selain itu, kajian MARDI dari segi terima guna teknologi melalui kelompok mendapati bahawa beberapa masalah utama yang masih menghalang terima guna teknologi

adalah berbentuk infrastruktur dan teknikal (Tengku Mahmud dan Ruzihan 1994).

Dalam kajian Yoshinori dll. (1990) pula mendapati hampir keseluruhan ahli kelompok tani di kawasan Muda bersependapat bahawa aktiviti berkelompok adalah perlu bagi mereka kerana mereka boleh berkomunikasi dengan lebih baik untuk memantapkan hasil padi seterusnya ahli-ahli lebih mengenali antara satu sama lain. Namun begitu masih ada kawasan yang masih tidak membangun walaupun telah bernaung di bawah kelompok tani. Antara masalah yang dihadapi ialah perbezaan kaedah pengusahaan tanah dengan skala merit yang sukar dicapai melalui aktiviti bersama. Secara keseluruhannya, kelompok tani ini kurang berdikari terutamanya kumpulan petani yang sentiasa disokong oleh kerajaan.

Projek pengkelompokan pesawah kini mencapai tahun ke-25 penubuhannya. Dalam tempoh waktu yang lama ini, seharusnya terdapat perubahan dan pencapaian dalam matlamat serta objektif penubuhannya. Oleh itu, satu kajian perlu dilakukan untuk melihat perkembangan terkini projek ini serta perubahan dari sudut amalan teknikal dan pengurusan ladang yang mungkin mempengaruhi peningkatan produktiviti petani. Kajian ini khusus untuk mengenal pasti:

- 1) Ciri-ciri demografi responden
- 2) Pengurusan pertanian padi yang diamalkan oleh petani yang menyertai pertanian secara kelompok
- 3) Status terkini organisasi, ciri dan bentuk organisasi serta corak pengurusan yang diamalkan

Metodologi

Lokasi kajian meliputi empat daerah dalam kawasan pentadbiran MADA, Kedah. Sebanyak empat Estet, empat Mini Estet dan empat Kelompok telah dipilih dan seramai 145 orang ahli telah ditemu bual. Kaedah utama penyelidikan yang dijalankan ialah:

- Mendapatkan ciri-ciri demografi responden

- Mendapatkan maklumat pengeluaran dan pengurusan pertanian responden
- Mendapatkan maklumat mengenai pengurusan kelompok daripada setiap jawatankuasa kelompok atau PPK yang mengendalikannya
- Mendapatkan maklumat dan data sekunder dari pihak MADA mengenai kelompok

Pengumpulan data dilakukan dengan

- 1) Temu bual bersemuka dengan petani yang menyertai setiap jenis kelompok, dan
- 2) Data sekunder yang diperoleh daripada MADA dan PPK mengenai pengurusan kelompok dan aktiviti atau program pengembangan yang dijalankan di kawasan MADA.

Pengkelompokan petani

Di Malaysia, kelompok tani ini banyak ditubuhkan di kawasan jelapang padi seperti di MADA dan di kawasan pertanian sayur dan buah-buahan di seluruh negara. Tujuan penubuhannya adalah untuk memastikan operasi ladang dapat dilakukan dengan lebih cekap dan efisien memandangkan petani di bawah kelompok tani bekerjasama menjalankan operasi ladang secara berjadual, teratur dan bersistematik untuk mencapai tahap kecekapan ekonomi pengurusan ladang.

Selain aktiviti di ladang, kelompok tani juga menjalankan aktiviti sosial dan kemasyarakatan yang lain. Aktiviti seperti ini bertujuan untuk meningkatkan kerjasama antara petani mahupun masyarakat petani setempat. Dari segi amalan pada masa sekarang, perjalanan dan pengurusan sesebuah kelompok tani ini banyak dipantau atau dilakukan oleh agensi kerajaan yang terlibat.

Jika dilihat dalam skop yang lebih sempit, fungsi dan peranan kelompok tani ialah:

- Sebuah organisasi yang menjadi agen pengembangan pertanian kepada agensi pertanian yang menyalurkan teknologi dan informasi berkaitan pertanian

kepada petani dengan lebih cekap dan teratur. Tunjuk ajar dan nasihat berkaitan pengurusan dan teknik pertanian dilakukan dengan mudah dan tertumpu kerana dapat disampaikan secara berkumpulan berbanding dengan secara perseorangan.

- Sebuah organisasi pelapis pertanian setempat yang boleh menjadi organisasi yang mengumpulkan tenaga kerja pertanian profesional yang betul-betul mahu terlibat dalam pertanian. Dalam keadaan terdapatnya ramai yang tidak berminat dan bersungguh-sungguh menjadikan kerja pertanian sebagai kerja utama, maka kelompok tani boleh disusun agar menjadi sebuah organisasi yang bergerak aktif mengambil alih kerja-kerja ladang dan menjadi badan pertanian pelapis untuk memajukan pertanian kawasan setempat.
- Sebuah organisasi yang boleh mendidik petani menjadi usahawan dan profesional dalam pertanian dengan tunjuk ajar dan nasihat mengenai pengurusan, teknikal, keusahawanan boleh dilakukan oleh pegawai pengembangan terus kepada petani.
- Sebuah organisasi yang boleh melahirkan kepimpinan dalam masyarakat petani. Kepimpinan yang baik mampu mengaktifkan kemajuan pertanian setempat agar tidak menjadi kawasan pertanian yang mundur dan ketinggalan kerana kemajuan sesuatu kawasan terletak kepada daya kepimpinan masyarakat setempat.

Kesemua fungsi dan peranan kelompok petani tersebut adalah berdasarkan teori seperti teori organisasi, teori pengeluaran, teori pengurusan, teori pengembangan pertanian, teori pelapis, teori kepimpinan, teori pertanian setempat dan teori pembangunan luar bandar. Gabungan teori-teori ini dilihat sebagai satu teori pembangunan pertanian yang mampu memberikan model terbaik untuk

kemajuan dan pembangunan pertanian negara Malaysia.

Teori-teori ini jelas diperkatakan dan dibincangkan di negara maju seperti Jepun yang menganggap pertanian ialah penagak kemajuan masyarakat melalui sumbangan ekonominya dan pemelihara alam semula jadi. Ia patut dicontohi oleh negara Malaysia yang kembali melihat kepentingan pertanian sebagai sektor jaminan bekalan dan keselamatan makanan serta kesejahteraan masyarakat pada masa ini.

Oleh itu, kelompok tani perlu dijadikan sebagai agen pengembangan pertanian dan agen pembangunan keluarga tani tanpa mengira apa jua jenis subsektor pertanian kerana ia mampu merealisasikan apa yang dinamakan kemajuan dan pembangunan total masyarakat tani dan luar bandar. Tujuan penubuhan organisasi ini perlu jelas dan difahami oleh petani serta agensi pertanian agar petani dan pihak yang terlibat akan mendapat keuntungan serta manfaat.

Organisasi ini juga perlu disusun agar menjadi sebuah organisasi petani yang sentiasa boleh bergerak aktif, berdikari dan kurang bergantung kepada agensi kerajaan untuk maju dan sentiasa berdaya saing dengan petani-petani dari negara luar dari segi pengeluaran pertanian.

Pengkelompokan petani dan penubuhan kelompok tani di kawasan MADA

Tujuan pengkelompokan petani adalah untuk meningkatkan kerjasama antara pesawah dengan mengumpulkan mereka di bawah satu pentadbiran. Dengan itu keberkesanan kerja dapat dipertingkatkan di samping dapat mengurangkan kos pengeluaran, meningkatkan hasil dan sebagainya. Pada mulanya kelompok yang mula diperkenalkan pada akhir 1970 adalah untuk mendapatkan kerjasama pesawah dalam menyelesaikan masalah pengairan. Untuk mempertingkatkan pengurusan kelompok, pada pertengahan 1980, MADA telah memperkenalkan Projek Separa Perladangan (PSP) yang mempunyai sistem pengurusan pengendalian yang lebih berkesan daripada kelompok. Berikut

dengan masalah pengurusan dalam PSP, pihak MADA telah melaksanakan Projek Sawah Secara Perladangan (PSSP) yang mempunyai pengurusan yang lebih baik daripada PSP pada 1999 dengan penglibatan peserta adalah seramai 13, 807 orang dan meliputi kawasan seluas 19,509 ha.

Pengkelompokan petani adalah hasil daripada kehendak Dasar Pertanian Kedua yang mahu mengurangkan jumlah petani yang berskala kecil dan tidak efektif. Projek kelompok tani ini dilancarkan dengan penekanan kepada keberkesanan pengeluaran dan peningkatan hasil. Seterusnya Dasar Pertanian Ketiga yang dilancarkan pada tahun 1998, mengklasifikasikan kelompok dan PSP sebagai cara untuk menguruskan pertanian berskala besar bagi mencapai matlamat pengurangan kos pengeluaran untuk menghadapi persaingan pasaran beras, peningkatan guna tanah dan lain-lain.

Jenis dan kriteria setiap kelompok tani ***Kelompok***

Kelompok ialah kumpulan yang dibentuk dan disertai oleh pesawah yang mengerjakan sawah secara sebelah menyebelah dan merupakan pertubuhan pengeluaran berasaskan tanaman padi. Kelompok juga sebagai pertubuhan yang mengembangkan teknologi terkini dan pengetahuan mengenai pengurusan pertanian padi.

Setiap kelompok disertai oleh 20–60 pesawah dan dikendalikan oleh jawatankuasa yang dipilih dari kalangan peserta. Aktiviti peserta seperti penanaman dan penuaian akan dirancang dan disusun oleh jawatankuasa kelompok supaya aktiviti dapat dilakukan pada masa yang sama. Ada kalanya urusan pemilihan kontraktor mesin jentuai dan pembajak juga akan dikendalikan oleh jawatankuasa. Para peserta akan mengikut rancangan penanaman yang telah ditetapkan di sawah masing-masing dan akan mengambil hasil daripada jualan padi sendiri.

Tanaman padi secara projek berkelompok telah dimulakan di kawasan Muda pada tahun 1979. Pada tahun itu

penekanan hanya ditumpukan di bidang pengurusan ladang, air dan teknologi tanaman padi. Aspek perkhidmatan kredit padi Bank Pertanian Malaysia (BPM) dan pemasaran padi diuruskan oleh peladang secara individu.

Pada tahun 1983, pengurusan tanaman padi bersindiket (*syndicated group farming*) mula diperkenalkan atas nama Projek Separa Perladangan (PSP). Pelaksanaannya melibatkan penyertaan kerjasama secara aktif antara MADA, melalui Persatuan Peladang Kawasan (PPK) dan BPM, dengan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Dengan terlaksananya sistem pengurusan projek PSP, PPK telah dapat membantu peladang dari segi menguruskan perkhidmatan kredit padi BPM dan pemasaran padi melalui kaedah Sistem Perkhidmatan Kredit Padi BPM dan Sistem Pemasaran Padi.

Walaupun pada asalnya penubuhan kelompok adalah untuk menyelesaikan masalah air dan penuaian tetapi pihak MADA tidak memperoleh kerjasama sepenuhnya daripada petani. Terdapat pesawah yang tidak mengikut rancangan penanaman yang ditetapkan menyebabkan pengkelompokan ini tidak memberi hasil atau pulangan yang baik.

Terdapat dua kategori pendapat pesawah mengenai kelompok iaitu 1) dengan menyertai kelompok, pendapatan mereka akan bertambah, 2) dengan menyertai kelompok, sistem pengurusan secara perseorangan akan terjejas.

Pendapat pertama bermaksud para pesawah menerima untuk masuk menyertai kelompok dengan harapan mereka akan memperoleh pendapatan yang lebih tinggi manakala pendapat kedua bermaksud bahawa pesawah menolak untuk menyertai kelompok. Untuk menyelesaikan masalah dalam kelompok dan menukar sistem pengurusan kelompok kepada sistem yang lebih baik, PPK telah menukar strategi mereka dengan menubuhkan PSP pula.

Projek separa perladangan (PSP)

Projek kelompok yang berpotensi dan cemerlang akan dinaikkan taraf kepada PSP. Separu perladangan ialah sistem pentadbiran yang pengurusannya dibuat oleh jawatankuasa yang dilantik oleh ahli dan taraf hak milik tanah serta pendapatan masih lagi secara individu. Tujuan penubuhan PSP adalah untuk

- 1) menggalakkan pesawah supaya bekerja secara berkelompok mengikut penyusunan jadual aktiviti tanaman, 2) mewujudkan persefahaman dan menjalinkan perhubungan yang erat antara pegawai dengan pesawah, 3) mewujudkan semangat kejiranan di sawah, 4) menyalurkan teknologi pertanian yang betul dan terkini kepada peladang, 5) membentuk sistem pengurusan ladang yang cekap dan berkesan, 6) mengurangkan kos pengeluaran ladang secara rundingan dan 7) memastikan pesawah mengikut amalan agronomi yang betul.

Bagi menentukan sumber kewangan untuk menampung pelaksanaan projek, jawatankuasa perlu berbincang dengan PPK bagi mendapatkan kredit yang perlu. Biasanya sumber kewangan adalah daripada BPM dan kredit daripada PPK itu sendiri. Sumber pendapatan PSP adalah seperti komisen traktor, komisen mesin tunai, komisen pengangkutan dan bayaran perkhidmatan lain yang dikenakan. PSP dan kelompok berbeza dari segi syarat penyertaan yang diikat antara petani dengan PPK. Pihak PPK akan memberi khidmat pinjaman kepada PSP dan keputusan mengenai urusan pejabat dan kewangan pengurusan akan dibuat oleh PPK. PSSP ialah perubahan bentuk kelompok dan mula ditubuhkan pada 1989 bagi meningkatkan daya pengurusan.

Perubahan bentuk kelompok kepada PSP dibuat berdasarkan kerjasama penyertaan antara petani di dalam kelompok dan hasil pengurusan yang dicapai oleh jawatankuasa kelompok. PSP menyediakan pinjaman kredit kepada peserta. Bayaran balik dibuat dengan membuat potongan dari hasil jualan padi peserta yang dikendalikan

oleh PPK. Alasan PPK mengendalikan proses jualan padi peserta adalah untuk memudahkan pemantauan dan penilaian dilakukan.

Penilaian petani terhadap penubuhan PSP terbahagi kepada tiga kumpulan:

- 1) Kumpulan yang berpendapat bahawa penubuhan PSP merupakan langkah baru yang mungkin dapat memperbaiki pengurusan dan menambahkan pendapatan, 2) Kumpulan yang berpendapat bahawa mereka perlu mengekalkan kelompok tani tanpa mengubahnya kepada PSP. Ini disebabkan kebimbangan terhadap cara pengurusan PSP dan juga syarat perjanjian yang perlu dipersetujui dan 3) Kumpulan yang berpendapat bahawa tiada kelebihan atau merit yang banyak yang boleh diperoleh jika meneruskan penyertaan dan berpendapat bahawa lebih baik menarik penyertaan mereka dalam sebarang jenis kelompok tani.

Untuk membantu petani menguruskan kelompok tani dengan baik dan berkesan, PPK dan MADA telah mencuba berbagai-bagai cara tetapi terdapat petani yang tidak mengikut jadual dan peraturan penanaman dan sebagainya dengan baik. Ini menghalang usaha untuk mencapai peningkatan dalam kutipan hasil.

Untuk mengatasi masalah seperti ini, pihak MADA dan PPK menukar strategi mereka dengan menubuhkan pula PSSP dengan tujuan untuk membantu meningkatkan hasil pendapatan dan juga merealisasikan pengurusan kelompok yang lebih baik daripada PSP dan kelompok yang sedia ada.

Projek sawah secara perladangan (PSSP)

Bagi mencapai matlamat pengeluaran padi 10 tan sehektar, MADA telah merangka strategi dengan mengubah kandungan pengurusan PSP kepada sistem pengurusan yang lebih berkesan. PSSP yang diperkenalkan pada 1999 berbeza daripada PSP dan kelompok dari segi pengurusannya. Keseluruhan pengurusan diambil alih ataupun dikendalikan sepenuhnya oleh pihak PPK/MADA. Di sini pihak PPK dan MADA

bertindak sebagai pengurus. Manakala pesawah ada yang dipilih sebagai AJK ataupun bekerja sebagai buruh ladang PSSP.

Penubuhan PSSP bertujuan memberi merit kepada peserta, pihak swasta dan kerajaan sendiri. Dengan itu pihak MADA telah memperkembangkan strateginya ini dengan lebih luas. Pelaksanaan projek PSSP di kawasan Muda dijangka akan dapat membantu pihak MADA bagi mengurangkan masalah yang dihadapi seperti kekurangan tenaga buruh, terlalu ramai peladang yang berumur lanjut yang menjejaskan produktiviti sawah dan saiz berladang yang kecil dan tidak ekonomik serta kenaikan kos operasi pengurusan ladang dan produktiviti ladang yang rendah.

Sistem perladangan ini bertujuan menggabungkan sawah peladang, membentuk pakatan kejriran di bendang, membentuk jawatankuasa pengurusan bendang di kalangan peladang, mengikut jadual tanaman, mengamalkan amalan pertanian yang betul dan meningkatkan hasil di samping mengurangkan kos pengeluaran (MADA).

Walau bagaimanapun hasil kajian mendapati wujud pesawah yang tidak sependapat dengan pihak MADA. Antara pendapat tersebut ialah fungsi pengurusan pesawah akan berpindah kepada PPK/MADA dan pihak penyewa akan kehilangan tanah yang dikerjakan berikutan pemilik tanah mempunyai hak untuk menyertai PSSP.

Kesan inovasi teknologi dan pengkelompokan petani

Walaupun inovasi teknologi telah dapat menaikkan purata hasil daripada 3.3 tan hingga 4.7 tan sehektar dan kini matlamat dirancang untuk mencapai 10 tan pula tetapi hasil daripada inovasi teknologi ini agak sukar menaikkan pendapatan petani.

Kajian ini mendapati kebanyakan aktiviti pengurusan ladang seperti pembajakan, penuaian, pengangkutan padi dan pengilangan beras dijalankan oleh kontraktor penyedia perkhidmatan

yang dilantik manakala kerja seperti menabur baja, menyulam, menyembur racun dan lain-lain lagi dilakukan oleh buruh atau pekerja upahan dan ini meningkatkan kos pengeluaran tanaman padi pesawah. Peningkatan kos upah ini telah mengurangkan pendapatan pesawah. Implikasinya ialah penggunaan inovasi tidak menunjukkan impak kepada pendapatan petani.

Walaupun kos pengeluaran yang tinggi, masih terdapat ramai pesawah yang berusaha mengubah pengurusan pertanian padi mereka ke arah yang lebih baik. Oleh itu sepatutnya mereka yang begini patut dididik menjadi usahawan yang bersedia menerima perkembangan teknologi dan ekonomi masyarakat.

Pada masa ini pertanian padi kawasan MADA diterajui banyak pihak dan mereka sentiasa menghadapi banyak cabaran dan pihak kerajaan perlu memberi sokongan yang berterusan dalam mendidik mereka sebagai pengurus pertanian padi yang baik.

Dalam PSSP, pegawai pengembangan bertindak sebagai pemegang fungsi pengurusan bagi pihak pesawah. Manakala dalam PSSP pula, semua fungsi pengurusan diambil alih oleh pihak MADA. Oleh itu, pesawah yang menyertai PSSP bukanlah pengurus kepada aktiviti pengurusan padinya tetapi sebagai ahli jawatankuasa ataupun sebagai buruh ladang sahaja. Pada tahap ini pesawah diambil bekerja dan sebilangannya menjadi majikan kepada yang lain.

Pembaikan prasarana infrastruktur, teknik tabur terus, penggunaan jentera dan sebagainya telah membawa banyak perubahan kepada pertanian kawasan MADA. Tetapi disebabkan masa penanaman yang berlainan antara pesawah, maka untuk menyelesaikan masalah penyatuan masa menanam dan masalah air, kerjasama antara pesawah amatlah diperlukan. Untuk itu peranan pengkelompokan pesawah amat penting dalam hal ini dan merupakan projek pengembangan yang penting.

Namun begitu, sehingga kini hanya 22% sahaja yang menyertai kelompok

tani yang dijalankan oleh pihak MADA ini. Andaian yang dibuat ialah tanpa menyertai kelompok tani pun pesawah masih berupaya mengendalikan masalah air, mampu menetapkan jadual penanaman dan penuaian. Selain itu, mereka tidak dapat memastikan merit yang boleh diperoleh daripada penyertaan dalam kelompok tani. Proses pertukaran daripada kelompok kepada PSP dan daripada PSP kepada PSSP pula telah menyebabkan fungsi pengurusan telah berpindah sedikit demi sedikit kepada pihak PPK dan MADA.

Maklum balas daripada responden

Alasan penyertaan dalam kelompok tani

Apabila responden ditanya mengenai alasan mereka menyertai kelompok tani, 47.6% responden mengatakan bahawa mereka faham akan faedah penyertaan dalam kelompok tani (*Jadual 1*). Manakala alasan lain yang mereka berikan ialah tertarik melihat kejayaan kawan-kawan yang telah menyertai kelompok tani (41.4%).

Pendapat mengenai kelompok tani

Didapati bahawa responden jelas dengan sistem kelompok yang dijalankan oleh MADA. Pada keseluruhannya, secara purata lebih 80% daripada responden memahami dengan jelas pelaksanaan sistem kelompok tani yang dijalankan iaitu dari aspek matlamat penubuhan, perbezaan setiap kelompok tani, corak pengurusan, syarat penyertaan dan pembahagian keuntungan.

Perubahan sebelum dan selepas penyertaan dalam kelompok tani

Hasil soal selidik juga menunjukkan 97.9% responden bersetuju bahawa ada perbezaan pendapatan daripada hasil padi sebelum dan selepas menyertai kelompok tani. Manakala dari segi kewangan pula, 77.2% responden bersetuju bahawa ada sedikit peningkatan kepada mereka sebelum dan selepas menyertai kelompok tani (*Jadual 2*).

Jadual 1. Alasan penyertaan responden dalam kelompok tani

Alasan penyertaan	Peratus
Faham akan faedah penyertaan di dalam kelompok tani	47.6
Melihat kejayaan kawan yang telah menyertainya	41.4
Ajakan ketua	22.1
Pujukan pegawai MADA	5.5

Jadual 2. Pendapat responden mengenai perbezaan pendapatan kewangan sebelum dan selepas menyertai kelompok

Pendapatan kewangan	Peratus
Ada sedikit peningkatan pendapatan	77.2
Banyak peningkatan pendapatan	19.3
Ada sedikit pengurangan pendapatan	0.0
Banyak pengurangan pendapatan	1.4
Sama sebelum masuk	1.4
Tidak pasti	0.7

Hubungan dengan pegawai PPK/MADA

Peranan pegawai PPK dan MADA adalah untuk membantu peserta kelompok tani dengan memberi nasihat dan tunjuk ajar mengenai kaedah menguruskan kelompok tani dengan baik. Walau bagaimanapun kajian mendapati 36.6% responden menyatakan bahawa pegawai yang terlibat jarang datang melawat dan 30.3% responden menyatakan bahawa kekerapan pegawai datang melawat ialah dua atau tiga bulan sekali. Hanya 14.5% menyatakan dua kali sebulan dan 18.6% lagi sekali sebulan. Kekerapan bertemu pegawai mampu membantu petani menyelesaikan pelbagai perkara berkaitan pengurusan ladang dan kelompok tani mereka.

Responden juga ditanya mengenai bentuk bantuan dan nasihat yang diberikan oleh pegawai PPK/MADA kepada mereka. Seramai 98.6% responden mengatakan pegawai membantu mereka dari segi teknik pertanian dan 28.3% responden pula

mengatakan bantuan diterima dari segi pengurusan kelompok (*Jadual 3*).

Pendapat mengenai faedah penyertaan dalam kelompok tani

Kajian menunjukkan pertanian secara kelompok tani ini memberi faedah kepada petani dengan hampir 67% responden berjaya meningkatkan pendapatan hasil padi mereka. Selain itu, program kelompok tani ini juga turut memberi kemudahan kredit kepada petani (65%) dan meringankan tugas pengurusan ladang (61%) kerana tugas-tugas tersebut telah dilakukan oleh orang lain (*Jadual 4*).

Amalan pengurusan ladang

Penyertaan dalam kelompok tani seharusnya meningkatkan amalan pengurusan seseorang petani itu. Oleh itu, kajian ini merujuk kepada adakah amalan pengurusan dilakukan oleh responden daripada kalangan ahli kelompok tani. Amalan pengurusan yang ditekankan adalah terdiri daripada perancangan, pelaksanaan, pengawalan dan penilaian.

Kajian mendapati bahawa petani yang menyertai kelompok tani mengamalkan fungsi-fungsi pengurusan seperti merancang aktiviti penanaman, penuaian dan penggunaan modal, melaksanakan aktiviti tersebut seperti yang dirancang, memantau dan mengawal aktiviti pertanian serta membuat penilaian untuk menyelesaikan atau menambahkan pengurusan ladang mereka.

Perancangan

Lebih daripada 50% responden ahli kelompok tani membuat perancangan ladang seperti perancangan penggunaan benih, baja, penetapan jadual membajak dan menuai serta lain-lain lagi.

Pelaksanaan

Pelaksanaan bermaksud melaksanakan apa yang telah dirancang. Hasil kajian mendapati lebih 55% daripada peserta kelompok tani telah melaksanakan aktiviti pertanian seperti

Jadual 3. Pendapat responden mengenai bentuk bantuan dan nasihat yang diterima daripada pegawai MADA/PPK

Bentuk bantuan dan nasihat	Peratus
Teknik pertanian	98.6
Pengurusan kelompok	28.3
Pengurusan kewangan	4.8
Kurang bantuan dan nasihat	0.0

Jadual 4. Pendapat responden mengenai manfaat dan faedah penyertaan dalam kelompok tani

Manfaat dan faedah diperoleh	Peratus
Hasil padi semakin meningkat	66.9
Mendapat kemudahan kredit/hutang	64.8
Kerja-kerja pertanian semakin ringan sebab diuruskan semua oleh orang lain	61.4
Mendapat banyak bantuan dari segi input seperti baja, benih dan sebagainya	56.6
Kos dapat dikurangkan	42.8
Kemudahan duit tabung	36.6

yang telah dirancang contohnya, merancang jadual penanaman dan penuaian, penggunaan modal dan pemilihan benih padi.

Pemantauan

Pemantauan ialah fungsi pengurusan yang bertujuan menyemak keakuran perancangan yang telah dibuat. Hasil kajian menunjukkan seramai 67% bersetuju dengan pernyataan bahawa “Anda mengawal penggunaan input pertanian dan kos pembeliannya”.

Penilaian

Kajian mendapati bahawa lebih daripada 70% responden membuat penilaian ke atas hasil padi yang diperoleh, penggunaan input, kos pengeluaran dan keuntungan dalam usaha meningkatkan hasil dan pendapatan mereka. *Lampiran 1* menunjukkan pendapat responden mengenai amalan pengurusan ladang bagi ahli kelompok tani.

Pembuat keputusan

Disebabkan aktiviti pertanian dalam pelbagai peringkat pengeluaran di kawasan MADA disertai oleh ramai pihak seperti pesawah itu sendiri, pekerja upahan, kontraktor penyedia perkhidmatan, PPK dan MADA, andaian bahawa banyak keputusan berkaitan pengurusan ladang dibuat secara berseorangan ataupun bersama. Kajian mendapati banyak keputusan berkaitan dengan pembelian input, penggunaan modal, pemantauan kawasan sawah adalah dibuat oleh pesawah itu sendiri. Manakala keputusan berkaitan dengan kerja-kerja yang biasanya diupah akan dibuat oleh pekerja upahan atau kontraktor. Walau bagaimanapun, keputusan mengenai penentuan waktu menanam dan menuai, kebanyakannya ditentukan oleh pihak PPK dan MADA.

Kesimpulannya kajian mendapati bahawa dari segi membuat keputusan dalam perancangan aktiviti, keseluruhannya dilakukan oleh petani. Dari segi pelaksanaan aktiviti pula banyak keputusan dibuat oleh pekerja upahan. Manakala dari segi pengawalan dan penilaian, keputusan banyak dilakukan oleh pesawah sendiri (*Lampiran 2*). Penemuan menunjukkan bahawa keputusan kritikal dibuat oleh petani manakala keputusan rutin dibuat sendiri oleh pekerja upahan atau kontraktor penyedia perkhidmatan.

Penutup

Sehingga kini, proses pengkelompokan petani masih mengekalkan tiga bentuk pengurusan kelompok tani iaitu Kelompok, Projek Separa Perladangan (PSP) dan Projek Sawah Secara Perladangan (PSP). Walau bagaimanapun bilangan penubuhan kelompok baru telah dikurangkan dan ditumpukan kepada penubuhan PSP dan penambahan kepada pembentukan PSSP baru. Sistem pengurusan yang digunakan oleh setiap jenis kelompok tani masih sama dengan kelompok banyak diuruskan oleh petani sendiri, PSP oleh AJK/PPK dan PSSP pula banyak diuruskan oleh PPK/MADA

dan dibantu oleh AJK yang dibentuk. Dalam pengkelompokan pesawah di kawasan, MADA mempunyai arah tujuhnya sendiri iaitu membanyakkan bilangan PSP dan PSSP bertujuan untuk menerapkan sistem pengurusan yang lebih stabil dalam pengeluaran padi kepada petani.

Amalan pengurusan petani sepatutnya dapat ditingkatkan setelah penyertaan mereka dalam kelompok tani. Fungsi pengurusan seperti perancangan, pelaksanaan, pengawalan dan penilaian harus diamalkan oleh petani untuk meningkatkan pengurusan ladang mereka. Dalam sistem kelompok tani, proses membuat keputusan dalam pengurusan ladang juga dipegang oleh agensi pembangunan projek. Oleh itu, siapakah pembuat keputusan bagi pengurusan ladang petani bergantung kepada jenis aktiviti pertanian yang dijalankan dan jenis kelompok tani yang disertai.

Walaupun apa pun konsep organisasi pertanian atau kelompok tani yang mahu diperkenal dan dikembangkan kepada petani, apa yang penting ialah pembentukan organisasi pertanian seperti ini sepatutnya dapat membantu meningkatkan pengetahuan dan pengamalan teknologi petani, dapat memberi kesan dan impak yang baik kepada aktiviti pengembangan agensi pertanian, dapat mendidik petani supaya cekap dalam pengurusan seterusnya dapat mendidik petani menjadi usahawan pertanian yang berjaya dan berdaya saing.

Apa yang terus diharapkan daripada konsep pertanian seperti ini adalah untuk menjadikannya sebagai satu badan pelapis pertanian padi pada masa hadapan menggantikan petani yang semakin meningkat usianya dan mampu menjadi penggiat kepada aktiviti pertanian dan pembangunan kawasan setempat.

Rujukan

- Ishida Akira dan Azizan Asmuni (1996). The problem and the direction of Malaysian paddy farming policy – 7th Malaysia Plan, Nougyou Sougo Kenkyuu (Japan)
- Kumi Yasunobu (1997). The direct seeding techniques in Muda irrigation paddy farming, Nougyou Gijutsu (Japan)
- Norsida Man dan Atsumu Ohnishi (2003). Paddy farming management structure and successor in Malaysia – Analysis of technological innovation & group farming project effect, Review of Agricultural Economics (Japan)
- Tengku Mahmud dan Ruzihan, J. (1994), Prestasi kelompok padi di kawasan MADA – Kajian semula, MARDI
- Yoshinori Morooka, Kumi Yasunobu dan Wong Hin Soon (1990). Kajian kelompok tani dan hubungan erat di kalangan pesawah di kawasan Muda, Semenanjung Malaysia, Laporan Kajian MADA

Abstract

In Malaysia, group farming has been established mostly in granary areas in MADA, and in areas where vegetables and fruits are grown. The establishment of group farming was initiated by the Malaysian government to develop and improve the farming community. The objective is to ensure the farm practices are carried out effectively and efficiently, and the economy of scale is achieved as the members of this group work together systematically according to work schedule. This study investigated the group farming progress and its effects on the technical and farm management practices that might improve farm productivity. This study showed that 47.6% of the respondents were aware of the benefit of their involvement in the group farming. On the other hand, 41.4% joined the group after they saw the success of other farmers. About 97.9% of the respondents agreed that there was a positive change in their income from paddy production. In terms of finance, 77.2% agreed that there was a slight positive change before and after they joined the group. Farmers' involvement in this group farming should improve their farm management practices. In general, this study showed that the group farming process still retained the three group farming approaches: Group Farming, Semi Estate Project (PSP) and Paddy Field Estate Project (PSSP). However, the establishment of new group farming was reduced and the focus was on the establishment of new PSP and PSSP. While the farm management in group farming was carried out by farmers, the PSP was managed by its committee or Farmers Association. On the other hand, PSSP was managed by Farmers Association or MADA, with the assistance of its committee

Lampiran 1. Pendapat responden (%) mengenai operasi dan pengurusan ladang (n = 145)

Maklumat operasi dan pengurusan ladang	1	2	3	4	5
Anda merancang dahulu jadual/masa membajak, menanam, menabur baja, menyembur racun dan menuai	0.7	0.0	0.7	68.3	30.3
Anda merancang penggunaan modal untuk membeli bahan-bahan input seperti racun dan sebagainya	0.7	0.7	2.1	65.5	31.0
Anda akan menukar jenis benih padi/baja tambahan yang baru sekiranya ia memberi hasil yang lebih tinggi	2.8	10.3	0.7	57.2	29.0
Anda akan hanya mengikut sahaja orang lain tanpa merancang terlebih dahulu penanaman padi	31.7	26.9	1.4	26.9	13.1
Anda sentiasa mengikut perkembangan terkini mengenai jenis benih, racun, baja tambahan dan lain-lain sebelum memulakan aktiviti penanaman setiap musim	1.4	10.3	1.4	55.9	31.0
Anda kurang mengambil tahu apakah masa yang sesuai untuk menabur baja atau menyembur racun	66.9	15.9	0.7	14.5	2.1
Anda akan memastikan jumlah air, baja, racun yang sesuai untuk digunakan pada tanaman padi	13.8	0.7	0.7	56.6	28.3
Anda tidak pasti bilakah masa yang sesuai untuk menuai padi	51.7	23.4	2.1	19.3	3.4
Anda akan mengikut perancangan amalan penanaman seperti yang disyorkan oleh MADA	2.8	0.0	5.5	62.1	29.7
Anda sentiasa menambahkan teknik penanaman, meracun dan sebagainya	0.7	0.7	3.4	66.2	29.0
Anda hanya memasukkan baja, menyembur racun pada umur hari padi yang sesuai sahaja	8.3	2.1	15.2	46.2	28.3
Anda mengawal penggunaan input pertanian dan kos pembeliannya	4.1	1.4	1.4	66.9	26.2
Anda tidak memantau sawah selepas ditanam sehingga tibanya masa untuk dituai	31.0	31.7	1.4	22.1	13.8
Anda mengutamakan kualiti padi yang dihasilkan	3.4	1.4	2.1	75.2	17.9
Anda mengutamakan jumlah padi yang akan diperoleh	0.0	1.4	3.4	73.8	21.4
Anda tidak kisah dengan jumlah padi, hasil yang dikutip pada setiap musim	35.9	29.0	5.5	26.2	3.4
Anda akan menukar benih yang lebih baik sekiranya benih yang anda gunakan sekarang kurang hasilnya	4.1	1.4	8.3	69.0	17.2

(samb.)

Lampiran 1. (*samb*)

Maklumat operasi dan pengurusan ladang	1	2	3	4	5
Anda akan menukar jenis baja tambahan atau vitamin sekiranya hasilnya tidak memberangsangkan	0.7	0.7	9.7	72.4	16.6
Anda sentiasa membandingkan kos pengeluaran setiap musim	0.0	0.0	2.1	80.0	17.9
Anda sentiasa mengira keuntungan bersih setiap musim	0.0	0.7	0.7	78.6	20.0
Anda akan mencari jalan penyelesaian secepat mungkin bagi masalah pertanian yang anda hadapi	0.0	0.7	0.7	78.6	20.0

1 = Sangat tidak setuju; 2 = Tidak setuju; 3 = Kurang setuju; 4 = Setuju; 5 = Sangat setuju

Lampiran 2. Pendapat responden (%) mengenai pembuat keputusan (n = 145)

Pendapat mengenai pembuat keputusan	1	2	3	4	5
Siapakah yang menentukan jenis benih padi dan baja tambahan yang mahu digunakan?	18.6	17.2	0.0	14.5	49.7
Siapakah yang menentukan jenis racun rumpai/ perosak yang mahu digunakan?	17.9	17.9	0.0	20.0	44.1
Siapakah yang membeli semua input pertanian yang akan digunakan?	19.3	13.8	0.7	17.2	49.0
Siapakah yang menentukan tempat pembelian barangan input?	26.9	11.7	0.0	17.9	43.4
Siapakah yang membelikan jenis benih padi yang mahu digunakan?	23.4	13.1	0.0	20.	43.3
Siapakah yang menentukan jenis baja tambahan dan racun rumpai/perosak yang mahu digunakan?	28.3	13.8	0.0	20.0	37.9
Siapakah yang merancang jadual kerja-kerja sawah?	31.0	15.9	0.0	17.9	35.2
Siapakah yang menentukan waktu penanaman dan penuaian?	43.4	15.2	0.7	11.7	29.0
Siapakah yang menentukan kadar atau tahap air masuk dan keluar dari petak sawah?	21.4	13.8	0.0	11.7	53.1
Siapakah yang menentukan berapa kali sawah patut dibajak?	14.0	17.2	1.4	14.5	52.4
Siapakah yang menentukan kontraktor pembajak manakah yang perlu dipanggil untuk membajak sawah?	13.8	26.9	10.3	11.7	37.2
Siapakah yang menentukan kontraktor jentera penuai manakah yang perlu dipanggil untuk menuai padi?	14.5	27.6	12.4	10.3	35.2

(*samb.*)

Lampiran 2. (*samb.*)

Pendapat mengenai pembuat keputusan	1	2	3	4	5
Siapakah yang menentukan kadar bayaran upah membajak dan menuai?	11.7	26.9	33.1	8.3	20.0
Siapakah yang menentukan kilang mana yang perlu dihantar hasil tuaian?	9.0	24.8	12.4	8.3	45.5
Siapakah yang menentukan berapa banyak modal yang harus digunakan?	12.4	12.4	3.4	13.1	58.6
Siapakah yang membajak sawah?	1.4	2.1	31.7	17.2	47.6
Siapakah yang merendam padi benih untuk anda?	0.7	15.2	9.7	15.9	58.6
Siapakah yang menabur benih padi?	0.0	5.5	53.8	17.2	23.4
Siapakah yang menabur baja, baja tambahan/vitamin?	0.0	4.8	58.6	11.0	25.5
Siapakah yang meracun rumpai dan serangga perosak?	0.0	1.4	54.5	18.6	25.5
Siapakah yang mengangkut baja ke kawasan sawah?	0.0	4.8	41.4	16.6	37.2
Siapakah yang menyulam?	0.0	3.4	41.4	14.5	40.7
Siapakah yang menuai untuk anda?	2.1	2.1	80.0	11.0	4.8
Siapakah yang mengangkut padi ke kilang?	1.4	3.4	63.4	14.5	17.2
Siapakah yang memantau serangan perosak atau penyakit bagi sawah anda?	8.3	6.9	4.1	19.3	61.4
Siapakah yang memantau pembesaran padi anda?	5.5	8.3	2.1	20.0	64.1
Siapakah yang memantau kerja-kerja semasa sawah dikerjakan?	9.7	6.2	2.0	20.0	62.1
Siapakah yang selalu memantau sebarang masalah yang timbul mengenai pertanian padi anda?	19.3	9.7	1.4	18.6	51.0
Siapakah yang memegang kewangan	11.7	6.2	1.4	11.7	69.0

1 = PPK/MADA dan AJK; 2 = AJK dan anda sendiri; 3 = Pekerja upahan/kontraktor/broker;
4 = Pekerja upahan dan anda; 5 = Anda sendiri dan keluarga